

Sesi persekolahan bersemuka tetap diteruskan hingga cuti penggal - Radzi

Abd Hadi - Ghe Awang
Disember 5, 2021 14:29 MYT



Sesi persekolahan secara bersemuka diteruskan di kesemua negeri yang berada di dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara sehingga cuti penggal bermula hujung minggu ini (10 Disember), kata Radzi Jidin. - Gambar fail Astro AWANI

PENDANG: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan sesi persekolahan secara bersemuka di kesemua negeri yang berada di dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sehingga cuti penggal yang dijadualkan bermula pada hujung minggu ini (10 Disember).

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Radzi Jidin berkata, keputusan yang dibuat itu selaras dengan ketetapan KPM sebelum ini meskipun menerima cadangan daripada banyak pihak agar sesi persekolahan ditutup lebih awal.

Beliau berkata, keputusan untuk menutup mana-mana sekolah juga hanya boleh dibuat berdasarkan saranan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) selepas penilaian risiko penularan COVID-19 di sekolah terlibat.

Dalam masa sama, Radzi turut memaklumkan, kes aktif positif COVID-19 membabitkan pelajar ketika ini adalah sekitar 200 hingga 250 orang berbanding jumlah keseluruhan pelajar yang hadir ke sekolah iaitu sekitar 4.5 juta orang.

"Secara umumnya kita lihat di dalam konteks kita bergerak ke fasa endemik, kita tahu ada kes di luar sana, itu tak dapat dielakkan.

"Namun dalam konteks data yang kita ada, jumlah (pelajar positif COVID-19) adalah jauh lebih rendah daripada jumlah keseluruhan murid... jadi kita perlu lihat bahawa kita hendak bergerak ke fasa endemik, ini (tetap) akan berlaku.

"Tetapi dengan SOP (prosedur operasi standard) yang ada, kita cuba kawal daripada berlaku penularan dengan lebih besar atau banyak dan Insya-Allah sesi persekolahan akan berterusan hingga akhir penggal ini," jelas beliau.

Radzi berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Akademi Sains Pendang di Jalan Jenun di sini, pada Ahad.

Dalam pada itu, mengulas mengenai masalah keciciran dalam kalangan pelajar, beliau berkata, sesi persekolahan yang dijalankan secara bersemuka mampu menjadi langkah terbaik dalam meminimumkan masalah berkenaan.

"Dalam konteks ini saya sentiasa tekankan persekolahan secara bersemuka perlu dilaksanakan sebab cara itu dapat tahu sebarang masalah berkaitan murid dengan lebih dekat (dan) intervensi dapat dibuat dengan lebih awal selain keciciran dapat diminimumkan," tambah beliau.

Menurut Radzi juga, sekalipun pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan ketika sekolah ditutup untuk tempoh yang panjang, namun, hal yang tidak boleh dinafikan ialah perasaan pelajar yang 'renggang' dengan sesi persekolahan.

"Sebab (itu) walaupun ramai kata jangan dibuka dulu (sekolah), kita sudah bincang bahawa amat penting sekolah dibuka dan lihat apa intervensi perlu dilaksanakan supaya anak-anak (kembali) 'rapat' dengan sistem persekolahan," tegas Radzi lagi.

Terdahulu, bekas Menteri Pendidikan, Maszlee Malik menyatakan rasa terkejutnya dengan jumlah pelajar yang berhenti sekolah semenjak Mac 2020 sehingga Julai 2021 iaitu seramai 21, 316.

Maszlee turut mendoakan agar negara dan bangsa dapat diselamatkan daripada ketidaktentuan masa hadapan serta kebobrokan para penguasa yang jadong.